

Newspaper	Berita Harian
Date	9/10/2012

Dr M risau ada belia Melayu tak hargai jasa

BH - 9/10/2012

Melaka: Tun Dr Mahathir Mohamad khuatir dengan sikap segelintir generasi muda Melayu yang tidak menghargai jasa kerajaan memberi nikmat dan keselesaan kepada mereka.

Bekas Perdana Menteri berkata, ini terbukti apabila ramai daripada golongan itu didapati tidak bersyukur dengan apa diperolehi, sebaliknya menuduh kerajaan sebagai penindas.

"Sebagai contoh, apabila mereka dihantar belajar ke luar negara dan balik ke tanah air, mereka menolak orang yang memberi nikmat kepada mereka.

"Kerajaan dikatakan tidak adil, tidak liberal dan menindas orang lain," katanya pada majlis sarapan bersama Alum-

ni Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah Melaka (MOZAC) 1982-1986, di sini, semalam.

Dr Mahathir mengaitkan gejala itu wujud antaranya akibat sikap sesetengah ibu bapa yang gagal mendidik anak mereka dengan nilai mulia, selain institusi pendidikan, sebelum menghantar golongan itu ke luar negara.

Semai nilai positif

Katanya, pelajar Melayu yang hendak dihantar ke luar negara sepatutnya disemai dengan nilai positif, selain mempelajari sejarah agar mampu mempertahankan diri dari pengaruh negatif.

"Mempelajari sejarah amat penting sebab ia membantu kita supaya tidak lupa. Saya

selalu sebut mengenai orang Melayu mudah lupa dari dulu. Dalam Islam ada ayat menyebut mereka yang tidak bersyukur akan mendapat balasan pedih dari Allah SWT.

"Kalau kita bersyukur, akan mendapat banyak lagi nikmat. Sebab itu, kita perlu selalu bersyukur sekali gus dapat membentuk masyarakat yang baik dan mampu berjaya," katanya.

Mudah terpengaruh

Dalam pidato lebih sejam itu, Dr Mahathir turut mengakui, ramai generasi muda kini sangat mudah terpengaruh sehingga ada yang gagal menggunakan pengetahuan mereka dengan bijaksana.

Katanya, dari segi ilmu dan pengetahuan, generasi berke-

“
Sebagai contoh,
apabila mereka
dihantar belajar
ke luar negara dan
balik ke tanah air,
mereka menolak
orang yang memberi
nikmat kepada
mereka”

Dr Mahathir Mohamad,
Bekas Perdana Menteri

naan memang boleh membangunkan negara kerana dilengkapi pengetahuan canggih dalam semua hal.

"Selain daripada ilmu, apa yang lebih penting ialah nilai moral kerana ilmu saja tidak akan membentuk mereka menjadi sesuatu yang baik. Ilmu tidak menjamin generasi muda dan akan datang untuk memimpin kemajuan negara," katanya.